# SENARAI HUJAH AHLUS SUNNAH WAL JAMA'AH KE ATAS PENYELEWENGAN AJARAN GOLONGAN WAHABI

*(PENGIKUT-PENGIKUT MUHAMMAD BIN ABDUL WAHAB DAN IBNU TAIMIAH)*

# SENARAI HUJAH AHLUS SUNNAH WAL JAMA'AH KE ATAS PENYELEWENGAN AJARAN GOLONGAN WAHABI
## *(PENGIKUT-PENGIKUT MUHAMMAD BIN ABDUL WAHAB DAN IBNU TAIMIAH)*

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Maha Suci Allah daripada bersifat duduk atau bersemayam | Menganggap atau mengatakan bahawa Allah duduk atau bersemayam di atas arasy atau di atas kursi dikira kafir kerana yang demikian itu adalah sifat makhluk | Firman Allah Ta'ala: ليس كمثله شيء Maksudnya: *"Dia(Allah) tidak menyerupai sesuatu pun daripada makhlukNya, baik dari satu segi mahupun dari semua segi, dan tidak ada sesuatu pun yang menyerupaiNya"* (Asyura ayat:11) | Wahabi menyamakan Allah dengan manusia dan juga binatang. Mereka berkata: *"Allah duduk di atas kursi"* | Kitab mereka: *Fathul Majid*, Karangan Abdul Rahman bin Hasan bin Mohd bin Abdul wahab, m/s:356, Cetakan Darul Salam, Riyadh |
| 2 | Maha suci Allah daripada anggota dan jisim | Allah Ta'ala tidak sama dengan makhlukNya, Dia tidak mempunyai anggota dan jisim sebagaimana yang dimiliki oleh makhluk | Firman Allah Ta'ala: ليس كمثله شيء Maksudnya: *"Dia (Allah) tidak menyerupai sesuatu pun dari makhlukNya baik dari satu segi mahupun dari semua segi, dan tidak ada sesuatu pun yang menyerupaiNya"*. (Asyura ayat:11) | Ibnu Baz (pemimpin wahabi) berkata: *"penafian jisim dan anggota bagi Allah adalah suatu yang dicela"* | Kitabnya : *Tanbihat Fi Rod Ala Man Taawwal Sifat*, m/s: 19, karangan Ibnu Baz, terbitan : Riasah Ammah lilifta' Riyadh |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 3 | Maha suci Allah dari tempat | Allah Ta'ala wujud tanpa tempat, kerana Dia yang menjadikan tempat yang mempunyai batasan-batasan, kadar tertentu dan bentuk sedangkan Allah tidak disifatkan sedemikian | Sabda Nabi: كان الله ولم يكن شيء غيره Maknanya: "*Allah wujud pada azal(adaNya tanpa permulaan), dan belum wujud sesuatu selainNya*" H.R al-Bukhari | Ibnu Baz mengatakan bahawa zat Allah Ta'ala itu di atas arasy | Majalah Haji, bilangan 49, juzuk 11 tahun 1415 hijrah, m/s :73 -74 Makkah |
| 4 | Abu jahal dan Abu lahab | Abu jahal dan Abu lahab bukanlah dari kalangan orang Islam | Firman Allah Ta'ala mengenai Abu lahab: سيصلى نارًا ذات لهب Maksudnya: *kelak dia akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala* (Almasad ayat: 3) | Wahabi mengatakan bahawa Abu jahal dan Abu lahab lebih ikhlas pengesaan tauhid mereka kepada Allah daripada orang Islam yang mengucap dua kalimah syahadah. ( *yang dimaksudkan dengan orang Islam di sini ialah mereka yang bertawassul dengan wali-wali dan para solihin* ) | Kitab mereka: Kaifa Nafham Attauhid, Karangan Mohd Basmir, m/s: 16 Riyadh |
| 5 | Asya'irah dan Maturidiah | Pengikut Asya'irah dan Maturidiah adalah golongan (Ahlus Sunnah wal jama'ah) | Al hafiz Murtadha Azzabidi berkata: إذا أطلق أهل السنّة والجماعة فالمراد بهم الأشاعرة والماتريدية Maknanya: *jika disebut Ahlus sunnah wal- jamaah yang dimaksudkannya ialah Asyairah dan Maturidiah* kitab: Ithaf sadatil Muttaqin | Soleh bin Fauzan (wahabi) berkata: "*pengikut Asya'irah dan Maturidi tidak layak digelar sebagai Ahlus sunnah wal jamaah*" | Kitabnya: Min Masyahir Almujaddidin Fil Islam, m/s: 32, terbitan: Riasah 'Ammah lilifta' Riyadh |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 6 | Pengikut-pengikut Imam Asy'ari | Pengikut-pengikut Imam Asy'ari adalah golongan umat Islam | Ahlus Sunnah wal Jama"ah di kalangan umat Islam di seluruh dunia adalah golongan asy'ari dan maturidi | Wahabi berdusta dengan mengatakan bahawa kebanyakan Ahlus Sunnah mengkafirkan pengikut asya'irah | Kitab mereka: Fathul Majid,<br>Karangan: Abdul Rahman<br>m/s 353<br>Terbitan maktabah Darul Salam, Riyadh. |
| 7 | Nabi Adam | Ijma' ulama mengatakan bahawa Adam adalah nabi | عن أبي أمامة أن رجلاً قال يا رسول الله أنبيًا كان ءادم؟ قال نعم مكلم<br>Maknanya: "*daripada Abi umamah, seorang lelaki bertanya nabi: "wahai rasulullah adakah Adam itu seorang nabi"? Beliau menjawap: "ya, diturunkan wahyu kepadanya"*<br>H.R Ibnu Hibban. | Wahabi mengatakan bahawa Adam bukanlah nabi ataupun rasul | kitab mereka: Al-iman Bil Anbiya' Jumlatan,<br>Karangan: Abdullah bin Zaid,<br>cetakan Maktabah Islami, Beirut |
| 8 | Berselawat ke atas Nabi | Boleh melafazkan selawat seperti ini:<br>اللهم صلّ على محمّد طب القلوب ودوائها وعافية الأبدان وشفائها ونور الأبصار وضيائها | Lafaz selawat ini tidak bercanggah dengan Al-quran dan hadis | Ibnu Baz (pemimpin wahabi) berkata: "*lafaz selawat ini adalah syirik*" | Kitab mereka:<br>Kaifa Ihtadaitu Ila Tauhid,<br>Karangan: Mohd Jamil Zainu, m/s: 83 dan 89,<br>Terbitan:<br>Darul Fatah |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 9 | Api neraka | Api neraka tidak akan fana' ( binasa), dan azab seksaan terhadap orang-orang kafir akan berkekalan selama lamanya | Firman Allah: إنّ الله لعن الكافرين وأعد لهم سعيرًا خالدين فيها أبدًا لا يجدون وليًا ولا نصيرًا Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah melaknati orang-orang kafir dan menyediakan bagi mereka api yang menyala-nyala, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya, mereka tidak memperolehi perlindungan mahupun penolong"*. (al Ahzab ayat: 65) | Wahabi mengatakan bahawa api neraka itu akan binasa dan orang-orang kafir itu tidak diazab selama-lamanya | Kitab mereka Qaulul Mukhtar Li Fanainnar, Karangan: Abdul karim alhamid, m/s : 8, Saudi. |
| 10 | Allah Ta'ala tidak sama dengan sesuatu yang baharu | Allah Ta'ala tidak menyerupai manusia kerana Dia pencipta mereka, dan pencipta itu tidak menyamai apa yang diciptakan ( makhluk), Dia bukanlah zat yang bergambar, berbentuk dan tidak mempunyai kadar yang tertentu | Firman Allah : ليس كمثله شيء Maksudnya: "*Dia (Allah) tidak menyerupai sesuatu pun dari makhlukNya baik dari satu segi mahupun dari semua segi, dan tidak ada sesuatu pun yang menyerupaiNya*". (Asyura ayat:11) | Wahabi mendakwa bahawa Allah mencipta manusia sama dengan rupa bentukNya | Kitab mereka: 'Aqidah Ahlul Iman Fi Khalq Adam Ala Suratir Rahman, Karangan: Mahmud Al Tuwaijiri, m/s: 76 (kitab ini dipuji oleh Ibnu baz) |
| 11 | Lafaz لا إله إلا الله | Berzikir dengan lafaz ini sebanyak seribu kali adalah diharuskan | يا أيها الذين ءامنوا اذكروا الله ذكرًا كثيرًا Maksudnya: "*Wahai orang-orang yang beriman berzikirlah dengan menyebut nama Allah, zikir yang sebanyak-banyaknya*". (al Ahzab ayat: 41) | Wahabi berkata: *"ini adalah bid'ah dari golongan yang jahil yang keluar daripada landasan syariat kepada zikir yang mensyirikan Allah"* | Kitab mereka Halaqat Mamnu'ah, Karangan: Husam 'Aqod, m/s: 25, terbitan Darul Sahabah, Tonto. |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 12 | Tarikat – tarikat sufi | Tarikat-tarikat sufi adalah benar kecuali yang menyeleweng daripada Al quran dan Sunnah | Nabi bersabda: من سنّ في الإسلام سنّة حسنة فله أجرها وأجر من عمل بها Maknanya: "*Barangsiapa yang mengadakan dalam Islam perkara yang baik baginya pahala dan pahala bagi mereka yang beramal dengannya*" H.R Muslim | Wahabi berkata: *"perangilah golongan sufi sebelum kamu memerangi yahudi, sesungguhnya sufi itu adalah roh yahudi"* | Kitab mereka: Majmu'ul Mufid Min' Aqidatit Tauhid, m/s: 102, Maktabah Darul Fikr, Riyadh |
| 13 | Makna istiwa' إستواء | Allah Ta'ala tidak disifatkan duduk di atas arasy | Setiap yang bersifat duduk di atas sesuatu itu sama ada ianya serupa dengannya atau lebih besar atau kecil daripadanya, semua itu adalah sifat-sifat jisim yang mempunyai kadar yang tertentu, sedangkan Allah Ta'ala maha suci daripada perkara-perkara tersebut | Wahabi terkeluar dari Islam kerana beriktikad bahawa Allah Ta'ala duduk di atas arasy | Kitab mereka: Nazarot Wa Ta'aqubat Ala Ma Fi kitab Assalafiah, Karangan: Soleh Fauzan, m/s: 40 Darul Watan Riyadh |
| 14 | Makna istiwa' pada ayat : الرحمن على العرش استوى | Mereka yang mentafsirkan istiwa' dengan makna *istaula'* (berkuasa) tidak kafir bahkan dia muslim | Al Hafiz Subki berkata: *" tafsiran istiwa' dengan makna berkuasa bukanlah suatu perkara yang dicegah"* | Wahabi berkata: *" siapa yang mentafsirkan istiwa' dengan makna istaula (berkuasa) dikira kafir"* | Kitab mereka: Halaqat Mamnu'ah, Karangan: Husam Al 'Aqod, Darul Sohabah Tonto |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 15 | Al Kursi | Al Kursi adalah jisim yang besar berada di atas arasy, dicipta oleh Allah tanpa berhajat kepadanya | وسع كرسيه السماوات والأرض<br>Maknanya: *"Dan kursi milik Allah itu seluas langit dan bumi* | Kata Usaimin (wahabi): "*Al Kursi itu adalah tempat letak kedua kaki Allah*". | Kitabnya:<br>Tafsir Ayat, Kursi, m/s: 19, Maktabah Ibnu Jauzi |
| 16 | Alam | Alam itu jenisnya dan afradnya (*benda-benda yang terdiri daripadanya*) semua itu adalah ciptaan Allah | Firman Allah:<br>الله خالق كل شىء<br>Maknannya: *" Allah pencipta segala sesuatu"*.<br>(Azzumar ayat: 62) | Tanggapan wahabi sama dengan tanggapan ahli falsafah yang mengatakan bahawa jenis alam itu adalah azali (tidak ada permulaan). Tanggapan mereka ini memberi erti bahawa sebelum kewujudan makhluk ini ada makhluk dan sebelumnya ada makhluk yang lain dan begitulah seterusnya tanpa permulaan | Kitab:<br>Syarah Attohawiah, Karangan: Ibnu Abil Iz, m/s132, Maktabah Islami, Beirut (kitab ini dipuji oleh pemimpin wahabi Ibnu Baz) |
| 17 | Bertawasul dengan kemulian nabi | Orang Islam dibolehkan berdoa dengan doa ini:<br>اللّهمّ بجاه سيدنا محمّد اشف مريضي<br>*"Ya Allah dengan kemulian* (بجاه) *nabi Muhammad sembuhkanlah penyakit ku* | Hadis doa keluar masjid:<br>اللّهمّ إني أسألك بحق السائلين عليك<br>Maknanya: *"Ya Allah sesungguhnya aku meminta kepadaMu dengan berkat kebenaran orang-orang yang meminta kepada Mu*"<br>H.R Ibnu Majah | Soleh bin Fauzan dan selainnya dari golongan wahabi mengatakan bahawa tidak boleh betawasul dengan kemulian nabi | Kitabnya:<br>Attauhid, m/s: 70, Riyadh |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 18 | Nisfu Sya'ban | Boleh mengkhusukan puasa di nisfu sya'ban dan berqiamullail dengan mengerjakan sembahyang pada malamnya | Nabi bersbda: إذا كانت ليلة النصف من شعبان فقوموا ليلها وصوموا نهارها Maksudnya: "*Apabila tiba malam nisfu sya'ban maka bangunlah pada malamnya (qiamullail) dan berpuasalah pada siangnya*". H.R Ibnu Majah | Soleh bin Fauzan dan selainnya dari puak wahabi berkata: *"haram mengkhususkan sembahyang dan puasa pada nifsu sya'ban"* | Kitabnya: Attauhid, m/s: 101, Riyadh, Saudi |
| 19 | Sambutan perayaan maulidur Rasul | Menzahirkan kegembiraan dan merayakan dengan menjamu makanan sempena kelahiran nabi kita Muhammad adalah diharuskan | Orang –orang Islam di timur dan di barat semuanya ( melainkan golongan wahabi) menyambut maulidur Rasul yang disepakati oleh ulama-ulama Islam | Wahabi mengharamkan perayaan dan jamuan makan sempena maulidur rasul, mereka mengatakan perbuatan ini adalah sama dengan perbuatan yahudi | Kitabnya: Attauhid , m/s: 116. Riyadh, Saudi |
| 20 | Perayaan maulidur Rasul | Kaum muslimin di kalangan ulama dan orang awam sejak hampir 900 tahun yang lalu merayakannya, hal ini disebut di dalam kitab: التنوير في مولد البشير النذير Karangan: Ibnu Dihyah | Cendekiawan Islam dari kalangan ulama-ulama hadis, feqah dan tafsir berkumpul merayakan maulidul rasul | Ibnu Fauzan berkata: *" orang jahil dari kalangan umat Islam dan ulama-ulama mereka yang sesat merayakan maulidur rasul.* Ibnu Baz pula berkata: *"perayaan maulidur rasul adalah menyamai orang yahudi"* | Kitabnya: Attauhid, m/s: 120. Riyadh, Saudi dan kitab: Tahzir Minal Bidaah, m/s: 5 |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 21 | Perayaan sempena mengingati Isra' dan Mi'raj, Ma'al hijrah dan selainnya | Menyambut perayaan-perayaan sebegini adalah dibolehkan | Perkara-perkara ini tidak bercanggah dengan syari'ah dan tidak ada dalil dari Al quran dan hadis yang mengharamkan perkara tersebut bahkan ianya suatu perkara yang baik | Wahabi menganggap perayaan-perayaan seperti ini adalah haram sedangkan di waktu yang sama mereka menyambut perayaan kemuncak dakwah ketua mereka Mohd bin Abdul Wahab selama seminggu | Kitabnya: Attauhid, m/s: 120 Karangan Ibnu fauzan Riyadh, dan kitab: Bahs Usbu' Sheikh Muhammad bin Abdul Wahhab. |
| 22 | Orang Islam | Tidak boleh mengkafirkan orang Islam tanpa sebab yang diterima syarak | Sabda Nabi:<br>إذا كفّر الرجل أخاه فقد باء بها أحدهما<br>Ertinya: "*Apabila seseorang itu mengkafirkan saudaranya (tanpa sebab syarak) maka kekafiran sudah mengenai salah satu diantara keduanya*".<br>H.R Muslim | Wahabi mengkafirkan umat Islam yang mengingkari aqidah mereka. | Sebagaimana yang diceritakan dalam kitab: Suhubul Wabilah, Karangan mufti makkah: Mohd bin Abdullah Al hanbali (beliau adalah ulama Ahlus Sunnah) |
| 23 | Bertawasul dengan wali-wali dan para solihin | Dibolehkan umat Islam berdoa dengan doa ini:<br>اللّهمّ بجاه أوليائك وأنبيائك فرج كربي<br>Maknanya: "*Ya Allah dengan kemulian wali-wali dan juga nabi-nabiMu hilangkanlah dukacitaku*" | Tawasul seperti ini tidak bercanggah dengan Al Quran dan hadis Rasulullah | Wahabi berkata:<br>"*tawasul dengan kemulian mereka adalah syirik dan boleh mengeluarkan mereka dari Islam dan berkekalan dalam neraka*" | Kitab yang bertajuk: 'Aqidatul Mukmin, Karangan: Abu bakar Al Jazairi (pemimpin wahabi) m/s: 144 |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 24 | Wahabi | Golongan Ahlus sunnah sentiasa berhati-hati dan berwaspada daripada ajaran wahabi yang sesat dan fatwa-fatwa mereka yang bercanggah dengan agama Islam | Lebih 100 buah kitab dikarang untuk membantah fahaman mereka | | |
| 25 | Wahabi | Sheikh Sirajuddin Abbas (wafat 1403 h) mengarang kitab bantahan terhadap wahabi dan Ibnu Taimiah bagi menjelaskan keburukan mereka | Nama Kitab beliau: **Siraj Tholibien Ala Minhaj Al-Abidin Ila Jannah Rabil Alamin** | | Sila rujuk kitab: **ad Dalil kafi firrod alal wahabi** karangan Misbah bin Ahmad al Beiruty |
| 26 | Menziarahi kubur Nabi dan kubur muslimin bagi wanita | Harus bagi wanita menziarahi kubur nabi dan kubur orang –orang Islam | Saidatuna Aisyah bertanya kepada Rasulullah: *"Apakah yang perlu dia (Aisyah) katakan ketika menziarahi kubur", maka Rasulullah menjawab: "katakanlah:* السلام على أهل الديار من المؤمنين والمسلمين H.R Muslim | Usaimin (pemimpin wahabi) berkata: *"perbuatan menziarahi kubur bagi perempuan itu adalah haram, dikira dosa besar walaupun menziarahi kubur nabi"* | Lihat kitab: Fatwa Muhimmah, m/s: 149-150, cetakan Riyadh |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 27 | Maha suci Allah daripada bentuk | Allah Ta'ala tidak menyerupai manusia, kerana Dia tidak mempunyai rupa dan bentuk | Firman Allah Ta'ala: ليس كمثله شيء Maksudnya: "*Dia (Allah) tidak menyerupai sesuatu pun dari makhlukNya, baik dari satu segi mahupun dari semua segi, dan tidak ada sesuatu pun yang menyerupaiNya*" (Asyura ayat:11) | Wahabi mengatakan bahawa Allah menciptakan manusia berupa wajahNya, mereka berkata: "*Allah Ta'ala mempunyai zat yang berbentuk*" | Kitab mereka: Aqidah Ahlul Iman Fi Khalq Adam Ala Suratir Rahman, Karangan Mahmud Al Tuwaijiri, m/s 40, 91, Darul Liwa' Riyadh |
| 28 | Kalam Allah | Kalam Allah Ta'ala itu tidak berhuruf dan tidak bersuara | Jikalau kalam Allah itu berhuruf dan bersuara nescaya kalamNya itu makhluk seperti perkataan manusia | Wahabi berkata: "*kalam Allah itu berhuruf dan bersuara*" (yang dimaksudkan dengannya adalah kalam Allah yang azali) | Kitab wahabi: Fatawa Aqidah, Karangan Usaimin, m/s: 72, dan kitab: Nazarot Wa Ta'aqubat Ala Ma Fikitab Assalafiah, Karangan Fauzan, m/s: 23 Riyadh |
| 29 | Allah Ta'ala tidak diliputi oleh enam arah penjuru (atas,bawah,kiri kanan,depan dan belakang) | Allah Ta'ala ada tanpa diliputi oleh arah penjuru, adaNya tanpa bertempat tidak di arasy dan tidak di langit | Rasulullah bersabda: اللهمّ أنت الظاهر فليس فوقك شىء وأنت الباطن فليس دونك شىء Maknanya: "*Engkau al zohir (setiap sesuatu menunjukan akan wujudNya), tidak ada sesuatu di atasMu, dan engkau Al Batin ( yang tidak dapat dibayangkan), tidak ada sesuatu dibawahMu*". H.R Muslim.Jadi jikalau tidak ada sesuatu di atasNya dan di bawahNya bererti Allah tidak berada di tempat. | Wahabi mengatakan bahawa zat Allah berada di atas arasy | Kitab mereka: Fatawa Aqidah, Karangan Usaimin, m/s: 75 |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 30 | Maha suci Allah dari pergerakan | Allah Ta'ala tidak disifatkan dengan bergerak atau berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain | Golongan yang berada di landasan yang benar (Ahlus Sunnah)telah bersepakat bahawa pergerakan itu adalah dari sifat makhluk | Wahabi mengatakan bahawa Allah bergerak. Mengikut tanggapan mereka ini Allah bergerak dari sudut atas ke bawah dan dari bawah ke atas | Kitab mereka: Fatawa Aqidah, Karangan Usaimin, m/s: 742 |
| 31 | Janggut lelaki | Memendekkan janggut yang panjang agar kelihatan kemas adalah dibolehkan | Ibnu Omar (sahabat Nabi) pernah suatu ketika dia menggenggamkan janggutnya dan memotong janggut yang melebihi genggamannya itu. Riwayat: Abu Daud | Wahabi mengatakan bahawa haram memotong janggut walaupun sedikit pada semua keadaan, sebagaimana yang dikatakan oleh ketua mereka Ibnu Baz | Kitabnya: Tahqiq Wal Idhoh Likasir Min Masail Alhaj Wal Umrah wazziarah, m/s: 16 |
| 32 | Wanita yang memakai seluar | Wanita tidak diharamkan memakai seluar di hadapan suaminya | Rasulullah mendoakan kepada wanita yang menambah pakaian untuk menutup aurat dengan memakai seluar:<br>رحم الله المتسرولات من النساء<br>Maknanya:<br>"*Mudah-mudahan Allah merahmati mereka yang memakai seluar dari kalangan wanita*". (kerana menambahkan pakaian untuk menutup aurat)<br>H.R Al Baihaqi | Ibnu Baz (pemimpin wahabi) mengatakan bahawa wanita dilarang memakai seluar walaupun seluar yang luas di hadapan suaminya | Majalah Dakwah, bilangan: 1493, tahun 1995. m/s: 28 |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 33 | Selawat ke atas nabi selepas azan | Selawat ke atas nabi secara jelas selepas azan adalah dibolehkan | Sabda Nabi: من ذكرني فليصلّ عليّ Maksudnya: "*Siapa yang mengingatiku maka berselawatlah ke atasku*" H.R: Al Hafiz Abu Ya'la dan selainnya | Ibnu baz mengatakan bahawa perkara tersebut adalah bid'ah yang sesat wajib ditegah | Ta'liq Ibnu baz dalam kitab Fathul Bari, Darul Ma'rifah, Beirut |
| 34 | Selawat ke atas nabi selepas azan | Selawat ke atas Nabi selepas azan adalah zikir yang mendapat pahala | Rasulullah bersabda: من صلّى عليّ مرة واحدة كتب الله عز وجل له بها عشر حسنات Maknanya: "*Siapa yang selawat Ke atasku sebanyak satu kali maka Allah memberi baginya dengan sepuluh kebaikan*". H.R Ahmad | Wahabi mengatakan bahawa selawat ke atas nabi secara jelas selepas azan seumpama orang yang bersetubuh dengan ibunya, maknanya perbuatan tersebut dikira dosa besar | Peristiwa ini berlaku di masjid Al Baqa' Damascus, sebagaimana yang diceritakan oleh imam masjid Ar Raudhah di Damascus, Syiria, dalam kitab beliau: Al-Isobah, m/s: 8 |
| 35 | Menziarahi kubur nabi Muhammad | Terdapat hadis-hadis yang kukuh menceritakan kelebihan menziarahi kubur nabi | Sabda Nabi: من زار قبري وجبت له شفاعتي Maknanya: "*Siapa yang mengziarahi kuburku maka wajib baginya mendapat syafaatku*". H.R Darulqutni | Ibnu Baz mengatakan bahawa hadis-hadis yang menceritakan kelebihan menziarahi kubur nabi adalah palsu | Kitabnya: Tahqiq Wal Idhoh Likasir Min Masail Alhaj Wal Umrah, m/s: 89 |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 36 | Meletakkan pelepah tamar di atas kubur | Meletakan pelepah tamar atas kubur orang Islam adalah dibolehkan | Dalam riwayat Bukhari terdapat hadis yang menceritakan bahawa pernah satu ketika nabi lalu di tepi dua kubur, kemudian mengambil pelepah tamar lalu mematahkannya dan meletakkan setiap pelepah ke atas dua kubur itu lalu bersabda: لعلّه يخفف عنهما "*mudah-mudahan diringankan azab mereka*" H.R Bukhari | Ibnu Baz berkata: *"meletakan pelepah tamar di atas kubur bukanlah suatu perkara yang disyariatkan"* | Ta'liq Ibnu Baz dalam kitab Fathul Bari, Darul Ma'rifah, Beirut |
| 37 | Bermusafir untuk menziarahi kubur nabi | Perkara tersebut adalah dibolehkan bahkan digalakan oleh syarak | Sabda Nabi: من جاءني زائرًا لا يهمه إلا زيارتي كان حقًا علي أن أكون له شفيعًا Maknannya:" *Sesiapa yang datang menziarahiku dan tidaklah dia niatkan kecuali menziarahiku, sesungguhnya dia berhak mendapat syafa'atku".* H.R Attobroni | Ibnu Baz mengatakan bahawa haram bermusafir untuk menziarahi kubur nabi walaupun bagi mereka yang mengerjakan haji, dan juga mereka yang berjauhan dari Madinah | Kitabnya: Tahqiq Wal Idhoh Likasir Min Masail Alhaj Wal Umrah, m/s: 88,90,98 |
| 38 | Lafaz صدق الله العظيم | Lafaz (صدق الله العظيم) sesudah selesai membaca Al Quran adalah diharuskan sebagaimana yang telah maklum di kalangan umat Islam di pelusuk dunia | Lafaz ini mengandungi pujian bagi Allah, Allah berfirman: قل صدق الله Maksudnya: " *Katakanlah: benarlah apa yang difirmankan Allah".* Dan firmanNya lagi: ومن أصدق من الله قيلًا Maksudnya: "*Dan siapakah yang lebih benar perkataan daripada Allah?*" (Annisa' ayat: 122) | Ibnu Baz mengatakan bahawa lafaz صدق الله العظيم selepas selesai membaca Al quran adalah bid'ah yang sesat | Majalah Al Buhusul Islamiah, keluaran Riaasah Buhusul 'Alamiah wal Ifta', bilangan: 45, tahun 1416 H Riyadh. Dan kitab mereka: Taujihat Islamiah, Karangan: Mohd Zainu m/s: 81 |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 39 | Muhammad bin Abdul Wahab (**pengasas gerakan wahabi**) | Beliau adalah penyebar ajaran yang terpesong dari Al Quran dan Sunnah | Ayah dan abangnya Sheikh Sulaiman dan ulama-ulama yang sezaman dengannya dan juga mereka yang datang selepas kematiannya mengingatkan supaya berhati-hati dari kesesatannya.Hal ini tercatat dalam kitab: السحب الوابلة على ضرائح الحنابلة | Muhammad bin Abdul Wahab berkata: *" tidak ada seorang pun dari kalangan guru-guruku yang mengetahui makna:* لا إله إلا الله | Risalah Muhammad bin Abdul Wahab untuk penduduk Riyadh berjudul: Tarikh Najd, Tulisan Husain bin Ghonnam m/s: 138-137 |
| 40 | Melafazkan kalimah *Qodim* (قديم) bagi Allah Ta'ala | Harus melafazkan kalimah *qodim* bagi Allah dengan makna Allah bersifat azali, (adaNya tanpa permulaan). Perkara ini disepakati oleh ijma' ulama | Sabda Nabi: أعوذ بالله العظيم وبوجهه الكريم وسلطانه القديم Maknannya: "*Aku berlindung dengan Allah yang Maha mulia dengan zatNya yang mulia dengan kekuasaannya yang qodim*" (kekuasaanNya tanpa permulaan). H.R Abu Daud | Wahabi mengingkari lafaz *qodim* bagi Allah, mereka mengatakan ini berasal dari fahaman falsafah | Ta'liq dari kitab mereka: Fawakil Ezab, m/s: 52, Muassah Risalah, Beirut. |
| 41 | Maha suci Allah daripada bersifat turun secara *hissi* (turun dengan zatnya) | Allah Ta'ala tidak boleh disifatkan dengan turun dari sudut atas ke bawah kerana itu adalah dari sifat-sifat makhluk | Firman Allah: ليس كمثله شيء Maksudnya: "*Dia (Allah) tidak menyerupai sesuatu pun dari makhlukNya, baik dari satu segi mahupun dari semua segi, dan tidak ada sesuatu pun yang menyerupaiNya*". (Asyura ayat:11) | Wahabi menyifatkan Allah dengan sifat-sifat manusia, mereka berkata: *"Allah Ta'ala turun dari sudut atas ke bawah"* | Kitab: Syarh Attohawi, Karangan: Ibnu Abil Iz, m/s: 286 cetakan tahun: 1988 |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 42 | Hukum wanita mengajar kanak-kanak lelaki di peringkat sekolah rendah | Perkara ini dibolehkan selagimana wanita itu mengajar sesuatu yang bermanfa'at dan tidak menyalahi syari'ah | Terdapat dikalangan wanita di zaman Nabi mengajar orang lelaki, dan ada di antara ulama hadis seperti Attobarani dan Ibnu 'Asakir menuntut ilmu dari kalangan ulama-ulama wanita yang mahir dalam ilmu hadis | Ibnu Baz (pemimpin Wahabi) mengatakan bahawa wajib ditegah ke atas lelaki yang mengajar kanak-kanak wanita dan wajib juga ditegah ke atas wanita yang mengajar kanak-kanak lelaki di kelas-kelas peringkat rendah | Kitab: Fatawal Mar'ah, m/s: 27, Darul Watan, Riyadh |
| 43 | Posisi tangan selepas bangun dari ruku' (e'tidal) | Ketika e'tidal diluruskan tangan tanpa meletakkan tangan kanan ke atas tangan kiri ketika e'tidal | Tidak ada dalil dari Al Quran dan Sunnah yang mengatakan bahawa sunat meletakan tangan kanan atas tangan kiri ketika e'tidal | Ibnu Baz mengatakan bahawa disunatkan meletak tangan kanan di atas tangan kiri selepas bangun dari ruku' | Kitab: Fatwal Mar'ah, m/s: 58, darul watan, Riyadh |
| 44 | Perkahwinan | Perempuan muslimah boleh berkahwin dengan lelaki muslim | Tidak menjadi kafir mereka yang meninggalkan sembahyang berjemaah (selagimana mereka tidak mengatakan sembahyang itu tidak wajib), bahkan mereka muslim boleh berkahwin dengan mereka | Ibnu Baz berkata: *"tidak boleh mengahwini mereka yang meninggalkan sembahyang berjema'ah"* | Kitab: Fatawal Mar'ah, m/s: 103, Darul Watan, Riyadh |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 45 | Masaalah talak ketika haid | Jatuh talak serta haram jika seorang suami itu menceraikan isterinya ketika haid | Masaalah ini telah disetujui oleh ijma' ulamak dengan berdalilkan apa yang berlaku ke atas Ibnu Omar ketika mana beliau menceraikan isterinya ketika haid kemudian bertanya Nabi dan Nabi menghukumkan bahawa talaknya telah jatuh. H.R Muslim | Usaimin (Wahabi) mengatakan bahawa menceraikan isteri ketika haid tidak menyebabkan jatuh talak | Kitab: Fatawal Mar'ah, m/s: 137, darul watan, Riyadh |
| 46 | Pemandu perempuan | Perempuan boleh memandu kereta selagimana ianya tidak bercanggah dengan syariah | Tiada seorang pun dari kalangan ulama mujtahid yang mengharamkan demikian itu | Ibnu Baz berkata: *"perempuan tidak boleh memandu kereta"* | Kitab: Fatawal Mar'ah, m/s: 192, darul watan, Riyadh |
| 47 | Suara wanita | Suara wanita bukanlah aurat | Sahabat-sahabat Nabi bertanya Aisyah tentang hukum hakam dan hadis-hadis nabi secara dialog | Ibnu Jibrin (wahabi) berkata:" *suara wanita di sisi lelaki ajnabi (bukan muhrim) adalah aurat"* | Kitab: Fatwal Mar'ah, m/s: 211, Darul Watan, Riyadh |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 48 | *Istighosah* (minta pertolongan) dengan nabi-nabi | Meminta pertolongan (istighosah) dengan nabi-nabi atau wali-wali selepas kematian mereka bukanlah suatu perkara yang syirik | Ketika berlakunya kemarau di zaman Omar bin Khottob seorang lelaki mendatangi kubur Nabi lalu berkata : *" wahai Rasulullah mintalah turun hujan atas umatMu"* Perkara ini diketahui oleh saidina Omar dan sahabat-sahabat nabi yang lain dan mereka tidak menegah atau melarang perkara tersebut. H.R al-Bukhari | Ibnu Baz berkata: *"istighosah dengan nabi-nabi adalah syirik"* | Kitabnya: Aqidah Sohihah Wama Yudhodiduha, m/s :22, darul watan, Riyadh |
| 49 | Maha suci Allah daripada had (ukuran) | Mustahil bagi Allah itu mempunyai had ukuran kerana had itu bagi benda yang ada batasan-batasan (bentuk kecil atau besar) seperti makhluk, Allah Ta'ala mencipta makhluk dan Dia bersalahan sama sekali dengan makhluk | Imam Attohawi berkata: تعالى عن الحدود Maknanya: "*Maha suci Allah dari batasan-batasan*" (bentuk kecil mahupun besar, jadi Allah tidak mempunyai ukuran sama sekali) | Ibnu Baz mengatakan bahawa Allah Ta'ala mempunyai had yang hanya diketahui oleh Allah sahaja | Kitab: Aqidah Tohawi, yang dita'liq oleh ibnu Baz M/s: 12, Riyadh |
| 50 | **Menara masjidilharam dan masjid Madinatulmunawwara** | Binaan menara masjid bermula dari zaman salaf lagi dan ianya dibolehkan | Ulama-ulama sejak dulu lagi menganggap perkara ini adalah baik, dan ini merupakan dalil kesepakatan mereka, dan perkara ini berterusan sehingga sekarang, ianya masih kelihatan di masjidilharam | Zainu berkata: *"Memperbanyakkan menara masjid itu adalah suatu kemungkaran"* | kitabnya: Taujihat Islamiah, Karangan: Mohd Zainu m/s: 153 cetakan: kementerian hal ehwal Islam, Riyadh |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 51 | Pengisytiharan tentang kematian | Membuat pengisytiharan tentang kematian seseorang muslim itu adalah dibolehkan | Perkara ini telah dinaskan oleh ulama seperti imam Nawawi dalam kitab Minhaj. Pengisytiharan ini adalah bersalahan dengan pengisytiharan yang dibuat di zaman jahiliah | Zainu (wahabi) berkata: *"pengisytiharan tentang kematian seseorang yang ditulis pada kertas adalah bida'h yang dicegah oleh syarak, ianya menyamai orang yang bukan Islam"* | kitabnya: Taujihat Islamiah, Karangan: Mohd Zainu m/s: 136 cetakan: kementerian hal ehwal Islam, Riyadh |
| 52 | Bacaan Al Quran ke atas orang yang telah meninggal dunia | Dibolehkan membaca ayat-ayat daripada Al Quran di kubur untuk si mati | Seorang sahabat Nabi bernama Abdullah bin Omar membaca Al Quran selepas selesai mengebumikan jenazah, beliau membaca awal surah al Baqarah dan akhirnya. H.R al-Baihaqi | Wahabi mengatakan perbuatan ini adalah haram dan orang yang melakukannya akan diazab di akhirat nanti | kitabnya: Taujihat Islamiah, Karangan: Mohd Zainu m/s: 137 cetakan kementerian hal ehwal Islam, Riyadh |
| 53 | Perayaan sempena malam lailatulqodar | Menyambut perayaan malam lailatulqodar adalah dibolehkan | Firman Allah: وافعلوا الخير لعلكم تفلحون Maksudnya: "*Dan buatlah kebaikan supaya kamu dapat kemenangan*". (Alhaj ayat: 77) Sabda Nabi:من سنّ في الإسلام سنّة حسنة فله أجرها Maksudnya: "*Siapa yang mengadakan dalam Islam perkara yang baik baginya pahala*". H.R Muslim | Wahabi mengharamkan perayaan sempena malam lailatulqodar | Kitab mereka: Fatawa Muhimmah Li'umumil Ummah, m/s: 50, Darul Asimah, Riyadh |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 54 | Memakai tangkal yang dibolehkan | Ayat-ayat suci Al-quran atau doa-doa Nabi boleh dijadikan tangkal untuk digantungkan di leher | Seorang sahabat Nabi bernama Abdullah bin 'Amru menulis doa: أعوذ بكلمات الله التآمات من غضبه وعقابه وشر عباده ومن همزات الشياطن وأن يحضرون di atas kertas kemudian menggantungkan di leher kanak-kanak yang belum baligh H.R at-Tarmizi | Ibnu baz mengatakan bahawa menggantungkan ayat-ayat Al-quran atau doa-doa di atas dada adalah haram | Kitab mereka: Fatawa Muhimmah Liumumil Ummah, m/s: 110, 111, darul asimah, Riyadh |
| 55 | Ucapan selamat pagi dan selamat malam | Ucapan tersebut dibolehkan | Tiada seorang pun dikalangan ulama mujtahidin yang mengharamkan ucapan tersebut dan tidak ada dalil yang kukuh mengatakan ianya daripada adat orang yahudi | Wahabi mengatakan bahawa ucapan ini adalah salah kerana mengikut jejak yahudi | Kitab mereka: Akhto Syai'ah, Karangan Mohd Zaino, m/s: 67 |
| 56 | Melafazkan بسم الله الرحمن الرحيم | Orang Islam boleh melafazkan بسم الله الرحمن الرحيم ketika mula makan | Tiada hadis yang mengatakan perkara tersebut adalah haram | Wahabi mengatakan bahawa membaca بسم الله الرحمن الرحيم dengan sempurna adalah salah dan dikira bida'h yang dicela | Kitab mereka: Akhto Syaiah, Karangan Mohd Zaino, m/s: 68 |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 57 | Ucapan كل عام وأنتم بخير (*Setiap tahun kamu semua berada dalam kebaikan*) pada hari raya | Ucapan tersebut adalah dibolehkan | Ucapan ini dianggap doa kebaikan bagi orang Islam | Wahabi berkata: *"ucapan lafaz tersebut pada hari raya adalah satu kesilapan"* | Kitab mereka: Akhto Syaiah, Karangan Mohd Zaino, m/s: 73 |
| 58 | Kalam Allah Ta'ala yang azali tanpa perantara lidah | Allah Ta'ala berfirman dengan kalamNya yang azali tanpa berhajat pada lidah, bibir, mulut dan suara kerana semua itu adalah sifat-sifat makhluk sedangkan Allah mustahil bersifat dengan sifat makhluk | Firman Allah: ليس كمثله شيء Maksudnya: "*Dia (Allah) tidak menyerupai sesuatu pun dari makhlukNya*". Kata Imam Attohawi (ulama salaf): "*maha suci Allah dari batasan-batasan (bentuk kecil mahupun besar), batas akhir, anggota-anggota badan. Dia tidak diliputi oleh penjuru seperti makhluknya yang diliputi oleh enam arah penjuru*" | Usaimin (wahabi) berkata: *"tidak boleh kita mensabitkan atau menafikan bahawa Allah itu mempunyai lidah kerana perkara tersebut tidak diketahui"* | Kitabnya: Liqa Asyahr, No: 3, m/s: 47, darul watan, Riyadh |
| 59 | Penggunaan kompang pada nasyid-nasyid yang berbentuk Islamik | Boleh menggunakan kompang ketika bernasyid dan mendengar padanya | Pernah satu ketika Nabi lalu berhampiran sekumpulan wanita yang memukul kompang sambil menyanyi dan berkata: "*alangkah baiknya berjiran dengan Nabi, lalu beliau bersabda* : الله يعلم أني لأحبكن (*Allah Maha mengetahui bahawa aku mengasihi kamu semua*). H.R Ibnu Majah | Usaimin berkata: "*tidak boleh mendengar nasyid-nasyid yang menggunakan kompang*" | Kitabnya: Liqa Assyahr, No: 11, m/s: 32,33 darul watan, Riyadh |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 60 | Mentakwil ayat-ayat mutasyabihah (*nas-nas Al quran yang tidak diketahui maknanya atau mengandungi lebih dari satu makna tetapi perlu dilihat makna yang sesuai dengan ayat tersebut*) | Boleh mentakwilkan ayat-ayat Al quran dan hadis-hadis Nabi yang berbentuk *mutasyabihat* selagi mana takwil tersebut tidak bercanggah dengan Al Quran dan sejajar dengan bahasa arab | Rasulullah berdoa kepada Ibnu Abbas dengan doa: اللّهم علمه الحكمة وتأويل الكتاب Maknanya: "*Ya Allah alimkanlah dia hikmah dan takwil Al quran*" H.R Ibnu Majah. (Sebahagian ulamak salaf termasuk Ibnu Abbas mentakwil ayat-ayat mutasyabihah) | Wahabi menyifatkan Ahlus Sunnah sebagai golongan perosak kerana mentakwil ayat-ayat mutasyabihah | Kitab: Qawaidul Mithly, Karangan Usaimin, m/s : 45, Riyadh |
| 61 | Jiwa anak Adam | Hati atau jiwa anak Adam di bawah qudrah (kekuasaan) Allah Ta'ala, jika Allah mahu memberi hidayah kepadanya maka dia akan mendapat hidayah dan jika Allah mahu sesatkannya dia akan sesat. | Hadis: يقلبها كيف يشاء Maknannya: "*Dialah(Allah) yang mengubah mengikut kehendakNya*". Dan hadis Nabi: القلوب بين اصبعين من اصابع الرحمن Maksudnya: "*Hati manusia di bawah pengaturan Ar-rahman*". H.R Tarmizi Maksud hadis ini ialah hati-hati anak Adam di bawah kuasa Allah Ta'ala. | Usaimin berkata: *"hati anak-anak Adam itu semuanya berada diantara dua jari dari jari-jari Ar Rahman dari segi hakikinya dan ianya tidak melazimi penyentuhan dan penyatuan"* | Kitab: Qawa'idul Mithly, Karangan Usaimin, m/s : 51, Riyadh |
| 62 | Menziarahi kaum kerabat di hari raya | Menziarahi kaum kerabat di hari raya aidilfitri atau aidiladha adalah salah satu cara untuk mengeratkan lagi silaturrahim dan untuk mengembirakan orang Islam | Sabda Nabi kepada Abu Hurairah: أفش السلام وأطعم الطعام وصل الأرحام وقم بالليل والناس نيام تدخل الجنة بسلام Maknanya: "*Sebarkanlah salam dan jamukanlah makanan dan eratkanlah silatulrahim dan bangunlah malam (qiamullail) ketika manusia tidur, kamu akan masuk syurga dengan selamat*". H.R Ibnu Hibban | Wahabi mengatakan bahawa mengkhususkan ziarah di hari raya sedangkan tidak berpeluang pada hari-hari yang lain adalah bida'ah | Fatawal Albani, M/s: 63, Darul Jil, Beirut |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 63 | Penduduk Mesir | Penduduk Islam di Mesir menziarahi kubur wali Ahmad Al Badwi dengan niat mudah-mudahan Allah Ta'ala memberi keberkatan pada mereka, bukanlah pemergian mereka ke kuburnya untuk menyembahnya sebagaimana dakwa'an golongan wahabi | Ulama mengatakan bahawa orang Islam boleh menziarahi kubur nabi atau wali untuk mengambil berkat darinya | Wahabi mengatakan bahawa penduduk Mesir mengagungkan tuhan mereka iaitu Ahmad Al Badawi | Ta'liq Ibnu Baz pada kitab: Fathul Majid, M/s: 216, Darul Auli Nahy |
| 64 | Penduduk Syam | Penduduk Islam di negara Syam menziarahi kubur wali Ibnu Arabi dengan niat agar Allah Ta'ala memberi keberkatan kepada mereka dengan kemulian wali ini di sisi Allah Ta'ala, bukanlah penziarahan mereka ke sana untuk menyembahnya | Ulama mengatakan bahawa orang-orang Islam boleh menziarahi kubur nabi atau wali untuk mengambil berkat darinya | Wahabi mengatakan penduduk Syam menyembah Ibnu Arabi | Ta'liq Ibnu Baz pada kitab: Fathul Majid, M/s: 217, Darul Aula nah |
| 65 | Penduduk Hijjaz dan Yaman | Orang-orang muslim di Hijjaz dan Yaman mereka tidak menyembah selain Allah Ta'ala | Ulama mengatakan bahawa orang-orang Islam boleh menziarahi kubur nabi atau wali untuk mengambil berkat dari mereka | Wahabi berkata: "*telah tersebar dikalangan penduduk disana (Hijjaz dan Yaman) mereka yang menyembah selain daripada Allah, menyembah pokok, batu-batu dan kubur*" | Ta'liq Ibnu Baz pada kitab: Fathul Majid, M/s: 217, Darul Aula Nahy |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 66 | Menyebut وحدوا الله maksudnya: ("*ucapkanlah kalimah tauhid*" لا إله إلا الله) ketika mengiringi jenazah | Perkara tersebut adalah dibolehkan kerana ianya memperingatkan manusia agar sentiasa mengingati Allah Ta'ala dan menjauhkan mereka dari bercakap tentang hal keburukan si mati muslim | Tiada dalil dalam syarak yang mengharamkan demikian itu | Wahabi mengatakan lafaz وحدوا الله adalah tidak boleh kerana yang demikian menyalahi syarak | Kitab mereka: Almaut Izotuhu Wa Ahkamuhu, Karangan Ali Abdul Hamid, M/s: 29, Maktabah Islamiah, Jordan |
| 67 | Mengusung jenazah ke kubur dengan menggunakan kereta | Perkara ini tidak haram dan ianya dibolehkan | Asal pada suatu perkara itu jika tiada pengharaman dan tidak sabit bahawa ianya dari adat-adat orang kafir, maka hukumnya adalah harus, adapun memikul jenazah dan berjalan dengannya adalah suatu perkara yang disunatkan | Wahabi berkata: "*tidak disyariatkan membawa jenazah menggunakan kereta yang dikhususkan bagi mayat dan mengiringinya dengan kereta kerana demikian itu adalah adat-adat orang kafir*" | Almaut Izotuhu Wa Ahkamuhu, Karangan Ali Abdul Hamid, M/s: 30,43, maktabah Islamiah, Jordan |
| 68 | Bertutur dengan selain bahasa arab | Bercakap dengan bahasa Inggeris atau Francis atau selainnya adalah dibolehkan | Tidak ada nas yang mengharamkan perkara tersebut | Ibnu Fauzan berkata: "*menyerupai orang-orang kafir seperti bercakap dengan bahasa mereka adalah haram*" | Kitabnya: Alwala Wal Bara', m/s: 7, cetekan alwatan, Riyadh |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 69 | Wanita menaiki kereta | Selagimana ianya tidak bercanggah dengan syarak maka ianya tidak haram | Kaedah feqah ada menggariskan bahawa asal setiap perkara itu adalah harus melainkan ada dalil yang mengharamkannya | Usaimin berkata:*"Diharamkan ke atas wanita menaiki kereta seorang diri bersama lelaki yang bukan muhrim walaupun di tengah bandar"* | Kitab:Fatawa Wataujihat Lil Mar'ah, m/s: 4, Riyadh |
| 70 | Wanita yang memakai Al Aba'h *(pakaian yang diselimutkan di atas bahu)* | Tidak diharamkan ke atas wanita untuk menambah penutupan aurat dengan memakai *al aba'h* yang diletakan di atas bahu | Tidak ada seorang pun dari kalangan ulama mujtahidin yang mengharamkan perkara tersebut | Ibnu Jibrin berkata:*"Diharamkan ke atas wanita memakainya kerana menampakkan bentuk kepala dan leher serta bentuk bahu".* | Kitab: Fatawa Wataujihat Lil mar'ah, m/s: 4, Riyadh |
| 71 | Menetapkan waktu imsak pada takwim di bulan ramadhan | Perkara tersebut diharuskan selagimana takwim tersebut menepati waktu-waktu yang disyariatkan, ini adalah memberi peringatan kepada mereka yang berpuasa bahawa waktu fajar hampir tiba | Tiada nas daripada Al quran atau hadis yang melarang perkara tersebut | Wahabi berkata: *"menetapkan waktu imsak pada takwim dengan menetapkan sepuluh atau lima belas minit sebelum waktu subuh adalah perkara yang bida'h dan salah"* | Kitab: Alfaz Wa Mafahim, Karangan Usaimin, m/s: 67, Darul Watan, Riyadh |

| No: | TAJUK | HUJAH GOLONGAN BENAR (Ahlus Sunnah) | DALIL | DAKWAAN DAN TANGGAPAN GOLONGAN SESAT(WAHABI) | RUJUKAN |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- |
| 72 | Tasbih | Diharuskan bagi orang Islam berzikir dengan menggunakan tasbih | Nabi pernah lalu di hadapan seorang sahabiah yang sedang bertasbih menggunakan batu-batu kecil dan Nabi tidak mengingkari perbuatan tersebut. H.R at-Tarmizi, at-Tobrani dan Ibnu Hibban | Wahabi berkata:*"tasbih adalah dari perkara bida'ah yang dicela yang mana ianya perlu dicegah"* | Kitab mereka: Hidayatus Sunnah, Karangan Abdullah bin Mohd bin Abdul wahab m/s: 47, cetakan Al manar, Mesir |